

Remaja 14 tahun korban kelapan banjir

BH 28/12

JOHOR BAHRU: Seorang remaja lelaki berusia 14 tahun menjadi korban kelapan banjir di Johor ketika air kembali naik di beberapa kawasan di negeri ini berikutan hujan lebat sehingga pagi semalam.

Muhamad Faiz Ponniman dihayutkan arus ketika mandi bersama adik dan rakannya di Sungai Parit Simpang Lima Darat, Muar, kira-kira satu kilometer dari pusat pemindahan banjir di Sekolah Agama Simpang Lima.

Pelajar Sekolah Menengah Tengku Muhammad Iskandar, Sungai Mati dari Kampung Parit Bunga Raya Hujung, Bukit Gambir itu, adalah antara 369 orang daripada 70 keluarga yang ditempatkan di pusat peminda-

FAKTA NOMBOR

Mangsa di pusat pemindahan

58,380

Johor

1,267

Pahang

3,766

Melaka

dahan itu sejak seminggu lalu.

Dalam kejadian 11.30 pagi itu, adiknya, Mohamad Faiz Zaman, 10, dikatakan cuba membantu mangsa tetapi ditarik dua rakannya ke tebing sungai.

Sehingga lewat petang semalam, Muhamad Faiz Ponniman masih belum ditemui walaupun penduduk memasang pukuk di tepi tembok jambatan sungai itu dan mendapatkan bantuan Pasukan Bomba dan Penyelamat Tangkak serta penyelam pasukan tentera.

Ketua Polis Daerah Muar, Asisten Komisioner, Mohd Nizar Mohd Ali, berkata ini kejadian lemas pertama di daerah itu sejak banjir melanda.

Sementara itu, sehingga petang semalam 58,380 mangsa masih ditem-

patkan di 226 pusat pemindahan di seluruh Johor. Beberapa jalan terutama di Segamat dan Kota Tinggi juga masih ditutup untuk semua kenderaan manakala jambatan memasuki Felda Redong di Segamat, runtuh.

Air di Sungai Segamat, Sungai Sembrong, Kluang dan Sungai Johor dilaporkan kekal pada paras amaran manakala bacaan di Empangan Bekok di Batu Pahat, Empangan Sembrong dan Empangan Machap pada paras bahaya.

Kawasan perumahan di beberapa tempat yang sudah pulih pula ditimbuni ribuan tan sampah apabila penduduk yang kembali ke rumah membuang barangan yang rosak. Malah, dua bot polis yang diguna-

kan ketika operasi banjir tersadai di Jalan Tun Habab, Kota Tinggi selepas banjir surut di kawasan bandar.

Banjir di Pahang dan Melaka bagaimanapun semakin pulih dengan mangsa di pusat pemindahan semakin berkurangan.

Di **PAHANG**, sehingga petang semalam, 1,267 mangsa ditempatkan di 16 pusat pemindahan di dua daerah berbanding 2,085 orang malam kelmarin.

Di **MELAKA**, jurucakap Bilik Gerakan Banjir negeri berkata 3,766 orang masih berada di tujuh pusat pemindahan di Sungai Rambai, Jasin manakala 17 orang di sebuah pusat pemindahan di Melaka Tengah.